

Sekumpulan 20 remaja mengaku bersalah menyebabkan kecederaan

Pelajar dipukul angkara bola sepak

Oleh OTHMAN YAHAYA


SUNGAI PETANI – Sekumpulan 20 bekas pelajar sebuah sekolah berasrama penuh di Merbok dekat sini mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini atas pertuduhan menyebabkan kecederaan ke atas seorang pelajar sekolah sama dua tahun lalu.

Remaja lelaki berusia 18 hingga 19 tahun itu membuat pengakuan berkenaan di hadapan Majistret Nadhirah Abdul Rahim.

Mengikut kertas pertuduhan, seramai 10 pelajar tingkatan lima didakwa sengaja menyebabkan kecederaan dengan cara memukul mangsa yang kini berusia 18 tahun di kawasan asrama sekolah itu pukul 12.30 tengah malam pada 27 Oktober 2020.

Baki 10 lagi pelajar tingkatan empat didakwa mencederakan mangsa sama di lokasi sama pukul 2 pagi pada hari yang sama.

Prosiding berlangsung secara tertutup selepas peguam, Nuri-



SEBAGIAN daripada 20 bekas pelajar sebuah sekolah berasrama penuh diiring masuk ke Mahkamah Majistret Sungai Petani semalam.

yana Mohd. Radzi yang mewakili semua tertuduh membuat permohonan kepada Majistret Nadhirah supaya tidak membenarkan wartawan membuat liputan

di dalam kamar mahkamah.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, S. Preeyaa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang mem-

peruntukkan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Nadhirah menetapkan 10 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi mendapatkan laporan akhlak sebelum menjatuhkan hukuman ke atas semua tertuduh.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM1,000 kepada setiap tertuduh dan mereka membayar jaminan itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, siasatan mendapati kejadian dipercayai berpunca akibat rasa tidak puas hati kesemua tertuduh apabila mangsa mengarahkan mereka mengosongkan padang bola sepak kerana waktu riadah telah tamat.

Ketika kejadian, mangsa berumur 16 tahun dan merupakan Presiden Badan Dakwah dan Rohani sekolah tersebut.

Mangsa mengadu sakit pada badan serta mempunyai kesan lebam di bahagian belakang badan, paha dan kaki akibat dipukul bergilir-gilir.